



**GARIS PANDUAN
KESELAMATAN ICT:
TELEKERJA**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

REKOD PINDAAN

Bil.	Tarikh Pindaan	Ringkasan Pindaan	Tarikh kuatkuasa
1.	-	Kuat kuasa kali pertama	1.2.2021
2.			
3.			
4.			
5.			

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	SKOP	1
4.0	DEFINISI.....	1
5.0	KESELAMATAN PERALATAN.....	1
6.0	PENGGUNAAN RANGKAIAN.....	2
7.0	CAPAIAN JAUH (REMOTE ACCESS)	2
8.0	KESELAMATAN DATA.....	2
9.0	LOKASI TEMPAT BEKERJA.....	2
10.0	PEMATUHAN	2

1.0 TUJUAN

- a) Memberi panduan kepada kakitangan UKM tentang langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi apabila melaksanakan telekerja.
- b) Memastikan keselamatan maklumat dan aset ICT UKM adalah terpelihara sepanjang pelaksanaan telekerja.

2.0 LATAR BELAKANG

Telekerja adalah satu keperluan untuk membolehkan tugas-tugas rasmi diselesaikan tanpa kakitangan hadir ke pejabat. Walau bagaimanapun, pihak universiti perlu mengambil kira tentang risiko yang berlaku apabila kakitangan melaksanakan telekerja. Oleh itu, kawalan keselamatan yang bersesuaian perlu dilaksana untuk memelihara kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat serta aset ICT UKM.

3.0 SKOP

Garis panduan ini adalah terpakai untuk semua kakitangan UKM yang menggunakan kemudahan ICT bagi membolehkan kerja rasmi dibuat di luar daripada kampus.

4.0 DEFINISI

Telekerja	Secara umumnya, telekerja merujuk kepada pekerjaan yang dijalankan di luar pejabat utama dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi.
Peralatan	Peralatan yang digunakan semasa telekerja seperti komputer atau peralatan mudah alih termasuk komputer riba, tablets, telefon bimbit dan telefon pintar.

5.0 KESELAMATAN PERALATAN

Kakitangan perlu memastikan peralatan yang digunakan semasa telekerja mempunyai kawalan keselamatan seperti berikut:

- a) Komputer mestilah dilindungi dengan perisian antivirus/antimalware yang dikemaskini.
- b) Memastikan perisian pada komputer dan peralatan mudah alih dilindungi dengan security updates yang terkini.
- c) Peralatan mestilah dilindungi dengan kata laluan yang kukuh.

- d) Peralatan tidak ditinggalkan tanpa pengawasan sehingga membolehkan maklumat rasmi universiti terdedah, dipinda atau dihapus secara sengaja atau tidak sengaja.
- e) Peralatan milik universiti yang dibawa pulang perlu dilindungi daripada kehilangan, kerosakan, kecurian, salah guna atau gangguan ke atas peralatan berkenaan.

6.0 PENGGUNAAN RANGKAIAN

Kakitangan perlu memastikan capaian ke sistem atau maklumat universiti dalam persekitaran rangkaian yang selamat dengan mengambil langkah-langkah berikut:

- a) Menggunakan mobile data atau rangkaian di rumah (yang mempunyai kawalan keselamatan) semasa telekerja.
- b) Penggunaan perkhidmatan WiFi awam tanpa katalaluan tidak digalakkan.

7.0 CAPAIAN JAUH (REMOTE ACCESS)

- a) Capaian jauh hanya boleh dibuat melalui saluran yang terkawal dan dibenarkan oleh pihak universiti sahaja.
- b) Permohonan capaian jauh ke rangkaian universiti mestilah dibuat dan disahkan oleh pihak PTM UKM.
- c) Kakitangan tidak boleh berkongsi kata laluan untuk capaian jauh dengan pihak lain.
- d) Kakitangan perlu log keluar setelah selesai penggunaan capaian jauh

8.0 KESELAMATAN DATA

Antara langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi:

- a) Sentiasa log keluar daripada aplikasi setelah selesai urusan. (contoh: aplikasi web SMU, e-mel rasmi universiti)
- b) Kakitangan digalakkan mencapai dokumen secara dalam talian. Sekiranya perlu juga membuat cetakan, pastikan cetakan yang melibatkan dokumen rahsia rasmi universiti dibawa semula ke pejabat untuk disimpan atau dilupus.

9.0 LOKASI TEMPAT BEKERJA

Lokasi yang dipilih untuk telekerja mestilah bersesuaian dan terlindung daripada gangguan dan ancaman keselamatan.

10.0 PEMATUHAN

- a) Kakitangan adalah tertakluk kepada semua dasar, peraturan, pekeliling, prosedur dan garis panduan berkenaan keselamatan maklumat universiti.

- b) Kakitangan yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) atau mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan.